

Terma dan Syarat

AmBank SIGNATURE Priority Banking "AmSPB": Tawaran Hari Jadi dan Tawaran untuk Pelabur Baru Unit Amanah (Tempoh Kempen: 1 April 2021 hingga 31 Mac 2022)

PERINGATAN: Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) adalah diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat- di bawah yang boleh didapati di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Jika Pelanggan Yang Layak tidak faham sebarang terma dan syarat di sini, Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana wakil sah Bank.

1. Definisi

Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang diberikan kecuali jika konteksnya mempunyai makna yang lain:

"**Bank**" merujuk kepada AmBank (M) Berhad (No Syarikat: 196901000166 (8515-D)), syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Aras 22, Bangunan Kumpulan AmBank, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"**Kempen**" merujuk kepada **AmBank SIGNATURE Priority Banking "AmSPB": Tawaran Hari Jadi dan Tawaran untuk Pelabur Baru Unit Amanah** yang dianjurkan oleh Bank mengikut Terma dan Syarat yang dinyatakan.

"**Pelanggan Layak**" merujuk kepada semua pelanggan AmSPB yang memenuhi semua kriteria kelayakan seperti yang dijelaskan dalam Klausa 3 di sini.

"**Notis Terdahulu**" bermaksud pemberian notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan tertentu sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kalendar.

2. Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula dari 1 April 2021 hingga 31 Mac 2022 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen") dengan pemberian Notis Terdahulu.

3. Kelayakan

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan AmSPB yang memenuhi semua kriteria di bawah:

- 3.1 Tawaran Hari Lahir adalah terbuka kepada semua pelanggan AmSPB baru dan sedia ada yang hari lahirnya berada dalam Tempoh Kempen iaitu 1 April 2021 hingga 31 Mac 2022. Untuk dianggap sebagai pelanggan AmSPB, terma dan syarat yang mengawal keahlian AmSPB akan dikenakan. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai terma dan syarat yang mengatur keahlian AmSPB, sila rujuk kepada:

https://www.ambank.com.my/ambank/SiteAssets/SitePages/prioritybanking/pribanking_welcome/AmSignaturePriorityTnC.pdf

- 3.2 Tawaran untuk Pelabur Baru Unit Amanah terbuka kepada semua pelanggan AmSPB yang baru dan sedia ada tanpa Akaun Pelaburan Unit Amanah (Pelabur Tunggal atau Bersama) dengan Bank sebelum Kempen ini.

4. Tawaran Kempen

- 4.1 Di bawah Kempen ini, Pelanggan Layak akan menikmati Caj Jualan berikut jika mereka melabur dalam mana-mana Dana Unit Amanah Penyertaan (tidak termasuk pelaburan melalui pengeluaran KWSP) semasa Tempoh Kempen tersebut:

Tawaran	Caj Jualan	Jumlah Pelaburan Minimum dan Maksimum
Tawaran Hari Jadi	0.5%	Min RM1,000 dan maksimum RM100,000 untuk setiap pelanggan
Tawaran untuk Pelabur Baru Unit Amanah	1.0%	Min RM1,000 dan maksimum RM100,000 untuk setiap pelanggan

- 4.2 Dana Unit Amanah Penyertaan merujuk kepada semua Dana Unit Amanah terpilih kecuali **Amanah Saham Nasional Berhad-Harga Berubah** dan mana-mana **Dana Unit Amanah Tertutup** yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen.

5. Kriteria Kempen

- 5.1 Tawaran Hari Lahir hanya sah pada bulan lahir pelanggan.
- 5.2 Bagi pelanggan AmSPB yang layak untuk Tawaran untuk Pelabur Baru Unit Amanah yang hari jadinya jatuh pada bulan yang sama, Tawaran Hari Lahir akan mengambil pendahuluan ke atas Tawaran untuk Pelabur Baru Unit Amanah; Pelanggan dikendaki menggunakan Tawaran Hari Lahir (mesti menggunakan RM100,000 sepenuhnya) pada 0.5% Caj Jualan, disusuli Tawaran untuk Pelabur Baru Unit Amanah sehingga RM100,000 pada 1% Caj Jualan. Jumlah pelaburan seterusnya akan berdasarkan caj jualan biasa mengikuti matriks caj jualan Unit Amanah.
- 5.3 Pelanggan Layak diberi tempoh bertenang selama enam (6) hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan UA oleh Bank (“tempoh bertenang yang ditetapkan”). Sekiranya Pelanggan Layak memilih untuk menamatkan pelaburan dalam UA yang terpilih dalam tempoh bertenang yang ditetapkan, Pelanggan yang Layak tidak berhak untuk menyertai kempen ini.

6. Terma dan Syarat Am

- 6.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dianggap sebagai telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Terma dan syarat ini adalah tambahan kepada terma dan syarat yang sedia ada (jika ada) yang mengawal selia peruntukan produk dan cadangan yang dirujuk dalam Tawaran ini. Sekiranya tidak konsisten antara terma dan syarat ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.
- 6.2 Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam produk berkaitan di bawah Kempen, yang berasingan dari terma dan syarat ini.
- 6.3 Pelaburan dalam Unit Amanah adalah tidak ditanggung, dijamin atau diinsuranskan oleh Bank dan tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami Prospektus sebelum melabur.
- 6.4 Bank mempunyai hak mutlak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak untuk menyertai Kempen ini jika Bank mendapati atau menentukan bahawa:
 - 6.4.1 Pelanggan Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar dalam apa cara semasa proses kemasukan atau sepanjang Tempoh Kempen; atau
 - 6.4.2 Pelanggan Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat di sini.
- 6.5 Tawaran Kempen tidak sah dengan kempen lain yang ditawarkan oleh Bank pada masa yang sama. Oleh itu, tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan yang lain akan diberikan di bawah Kempen.
- 6.6 Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, meminda, menghapus atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, secara keseluruhan atau dalam mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan Notis Terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank, Kempen ini tidak akan memberi hak Pelanggan Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung perbuatan pembatalan, penamatan atau penggantungan.
- 6.7 Sebarang notis yang diberikan oleh Bank (jika ada) akan disiarkan di laman web rasmi Bank, di www.ambank.com.my

- 6.8 Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan semua Pelanggan Layak adalah terikat kepada Kempen. Tiada suratmenyurat atau rayuan lanjut akan dilayan.
- 6.9 Dalam apa jua keadaan, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk mana-mana kerugian atau kerosakan disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa kejadian di luar kawalan munasabah Bank.
- 6.9.1 Bank tidak akan bertanggungjawab pada mana-mana Pelanggan Yang Layak di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana penyertaan Pelanggan Yang Layak di dalam Kempen ini, atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja dari pihak Bank.
- 6.10 Semua Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 6.11 Terma dan Syarat terkini (jika ada) boleh didapati di laman web Bank di <http://www.ambank.com.my/bm/terms-and-conditions>.
- 6.12 Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik dalam pentafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan dianggap setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa makna yang sama.
- 6.13 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Priority Banking dari jam 7 pagi hingga jam 11 malam di talian 603-2178 6600 atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.